StarDream Cruises mengumumkan pengecualian dan pengurangan surcaj bahan api (“fuel surcharge”) di beberapa pasaran utama.



26 Jun 2026 (Singapura) – StarDream Cruises, yang menaungi jenama StarCruises dan Dream Cruises, hari ini mengumumkan pengecualian dan pengurangan surcaj bahan api (“Fuel surcharge”) bagi beberapa pasaran operasinya di rantau ini. Langkah ini dibuat susulan semakan berterusan terhadap keadaan operasi semasa serta komitmen berterusan syarikat untuk memberikan nilai terbaik kepada para tetamu yang berlayar bersama Genting Dream, Star Navigator dan Star Voyager.

Tetamu yang berlayar dari **Singapura dan Malaysia** akan menikmati **pengecualian penuh surcaj bahan api**, manakala tetamu dari **Taiwan dan Hong Kong** akan menikmati **pengurangan sebanyak 50% daripada surcaj bahan api semasa**. Pelarasan ini berkuat kuasa bagi semua pelayaran yang berlepas pada atau selepas **26 Jun 2026**.

Pelarasan ini mengambil kira keperluan operasi yang berbeza di setiap pasaran serta perkembangan positif dalam keadaan pasaran bahan api global. StarDream Cruises kekal komited untuk menawarkan pengalaman pelayaran yang bernilai kepada para tetamu di semua pasaran serantaunya.

> Menurut **Michael Goh, Presiden StarDream Cruises**, “*Seiring dengan kestabilan harga bahan api, kami berbesar hati untuk mengurangkan dan, di beberapa pasaran, mengecualikan sepenuhnya surcaj bahan api kepada para tetamu kami. Kami sentiasa mengamalkan pendekatan yang telus dalam pelaksanaan surcaj ini, iaitu hanya mengenakannya apabila perlu. Apabila keadaan operasi bertambah baik, kami percaya manfaat ini wajar dikembalikan kepada para tetamu.”*

StarDream Cruises akan terus memantau pergerakan harga bahan api global dan menyemak semula struktur surcaj dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

Tempahan boleh dibuat di **www.StarDreamCruises.com**.

StarDream Cruises: Peneraju Pelayaran Asia

Dilancarkan secara rasmi pada 26 Mac 2025, StarDream Cruises menggabungkan lebih tiga dekad pengalaman dalam industri pelayaran, memulakan era baharu pelayaran luar biasa merentasi Asia dan destinasi sekitarnya. Jenama ini menampilkan dua kategori utama, StarCruises dan Dream Cruises. Masing-masing menawarkan pengalaman unik yang mengekalkan legasi terdahulu sambil meningkatkan standard pelayaran bertaraf dunia di Asia.

StarCruises memberikan pengalaman pelayaran gaya hidup yang mampu milik kepada pasaran Asia melalui kapal bersaiz sederhana seperti Star Voyager dan Star Navigator, manakala Dream Cruises menawarkan pengalaman pelayaran mewah dengan kapal besar seperti Genting Dream yang ditempatkan di Singapura sepanjang tahun dan belayar ke pelbagai destinasi di Asia Tenggara.

Dengan pengalaman luas dalam hospitaliti dan pelayaran, StarDream Cruises komited untuk mendefinisikan semula pengalaman pelayaran bagi pelbagai segmen pasaran melalui tawaran yang disesuaikan mengikut keperluan demografik berbeza.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:-

(Mr) Ong Hsieh Lien
ong.hsiehlien@stardreamcruises.com

(Ms) Cherry Yip
cherry.yip@stardreamcruises.com

(Ms) Mandy Lam
mandy.lam@stardreamcruises.com